

APLIKASI GAYA HIDUP HALAL SEBAGAI USAHA MENCAPAI MATLAMAT PELAKSANAAN PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM

**Siti Nur Aafifah Binti Hashim¹, Muslihah Binti Mazlan²,
Siti Nur Afiqah Binti Shafie²**

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

aafifahhashim@gmail.com

²Fakulti Keilmuan Islam (FKI), Kolej Universiti Islam Melaka
muslihah@kuim.edu.my

ABSTRAK

Gaya hidup halal membawa kepada pembentukkan cara hidup yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang mendorong manusia memilih diantara perkara hak dan batil dalam pelaksanaan pembangunan lestari Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti komponen yang membentuk gaya hidup halal serta menganalisis aplikasinya sebagai usaha untuk mencapai matlamat pelaksanaan pembangunan lestari Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk deskriptif. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil sorotan kajian yang dilakukan terdapat tiga komponen utama yang mempengaruhi gaya hidup halal iaitu akidah, syariah dan akhlak dan didapati komponen ini mempengaruhi setiap tindakan seseorang dalam mencapai matlamat pembangunan lestari. Dicadangkan gaya hidup halal ini perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan pembangunan lestari Islam bagi pencapaian matlamat secara menyeluruh.

Kata Kunci: Gaya Hidup Halal, Matlamat Pembangunan Lestari, Pembangunan Lestari Islam

THE APPLICATION OF HALAL LIFESTYLE AS AN EFFORT TO ACHIEVE THE GOAL OF IMPLEMENTING SUSTAINABLE ISLAMIC DEVELOPMENT

ABSTRACT

The halal lifestyle leads to the creation of a Qur'anic and hadith-based way of life that encourages people to choose between rights and wrong in the implementation of sustainable Islamic development. The purpose of this study is to identify components that form halal lifestyle and to analyze their applications as an effort to achieve the goal of implementing sustainable Islamic development. This study was conducted by using qualitative method by taking literature review

approach. The results of the research were three main components that influenced the halal lifestyle namely akidah, syariah and akhlak and found that this component influenced every individual's action in achieving sustainable development goals. It is proposed that this halal lifestyle should be addressed in the implementation of Islamic sustainable development for achieving overall goals.

Keywords: Halal Lifestyle, Sustainable Development Goals, Sustainable Development of Islam

PENGENALAN

Pembangunan lestari diperkenalkan bertujuan menghindari pelupusan sumber dan memastikan kerosakan minimum ke atas alam semula jadi. Hal ini bagi memastikan penggunaan sumber semula jadi mencukupi untuk dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan masa hadapan. Oleh itu, pencapaian matlamat pembangunan lestari bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan aktiviti sosial manusia dalam menjamin kesejahteraan manusia dan ekosistem secara bersama. Pelbagai usaha yang melibatkan semua golongan telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat dalam pembangunan lestari. Namun, sehingga kini kebimbangan terhadap kemusnahan alam sekitar masih tidak dapat ditangani.

Begitu juga dengan pembangunan lestari Islam yang tetap mengambil kira isu kemusnahan alam sekitar, punca daripada pertumbuhan ekonomi serta aktiviti sosial manusia. Bezanya, pembangunan lestari Islam meletakkan matlamat mencapai keredaan Allah SWT sebagai matlamat yang utama untuk dicapai. Bagi memastikan matlamat pembangunan lestari Islam dapat dicapai secara holistik, ia bermula daripada cara manusia menguruskan pembangunan tersebut. Hal ini melibatkan gaya hidup manusia yang mempengaruhi setiap tindakan manusia dalam kehidupan. Scheys (1986) menyatakan, gaya hidup merupakan corak tingkah laku seseorang yang memberi kesan kepada proses-proses sosial. Tambahan Scheys (1986) gaya hidup menjadi aspek penting untuk dipertahankan dalam sesebuah masyarakat kerana ia memiliki mekanisme yang luas dan akan mencerminkan budaya masyarakat tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti komponen yang membentuk gaya hidup halal serta menganalisis aplikasi gaya hidup halal sebagai satu usaha mencapai matlamat pembangunan lestari Islam. Perbincangan awal adalah mengenai konsep dan komponen dalam gaya hidup halal serta menganalisisnya dalam mencapai pembangunan lestari.

METODOLOGI

Kertas kerja ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk deskriptif. Analisis kandungan digunakan terhadap bahan-bahan rujukan yang digunakan seperti artikel, jurnal dan sebagainya. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Ianya dikumpulkan berdasarkan dua

tema utama dalam kajian ini iaitu konsep gaya hidup halal serta komponen yang membentuk gaya hidup halal.

SOROTAN LITERATUR

Gaya hidup adalah cara seseorang menjalani kehidupan dalam pemahaman umum. Ia dinyatakan sebagai satu set sikap, tabiat atau harta benda yang berkaitan dengan seseorang atau kumpulan tertentu dan ia merangkumi corak tingkah laku kerja dan aktiviti masa lapang sebagai asas kepada individu termasuk aktiviti, pendapat, nilai dan kepentingan (Hasan Ahmad & Aini Ahmad, 2015). Menurut Lewis (2010) dan Tomlinson (2003), gaya hidup dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti budaya, keluarga, kumpulan rujukan, dan kelas sosial. Gaya hidup dari perspektif Islam yang diistilahkan sebagai gaya hidup halal dalam penulisan ini adalah satu corak hidup yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Keadaan ini merangkumi perilaku, makanan, kesihatan, pakaian, perniagaan, pembangunan, pengurusan serta segala aktiviti harian manusia.

Konsep halal pula merupakan satu konsep yang universal. Kesedaran terhadap kepentingan halal dalam kehidupan seharian manusia telah bermula sejak sedekad yang lalu (Hasan Ahmad & Aini Ahmad, 2015). Namun, ia lebih banyak tertumpu kepada produk seperti makanan, produk kesihatan, produk perbankan, pakaian dan sebagainya. Halal seharusnya meliputi seluruh spektrum kehidupan manusia terutama yang beragama Islam dan dijadikan sebagai gaya hidup seseorang Muslim. Gaya hidup halal amat penting diaplikasikan terutamanya kepada seseorang yang beragama Islam kerana ia mencerminkan keperibadian umat Islam serta memandu manusia untuk bertindak sesuai dengan syariat (Tridjoko Wisnu Murti, 2017). Namun, menurut Maryam (2008), gaya hidup halal ini kurang diberi perhatian berpunca kepada kurangnya kefahaman dan kesedaran dalam kalangan umat Islam.

Gaya hidup halal merupakan tatacara hidup yang berasaskan kepada tiga komponen utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Akidah merupakan kepercayaan seseorang terhadap Allah SWT dan juga Rasul SAW yang mendorong manusia bertindak mengikut syariat Islam. Ilmu Tauhid akan menyediakan akar tunjang agar pembentukan peribadi individu tidak terpisah dari akidah dan rasa kehambaan kepada Allah SWT. Ia dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

“Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya al-Quran, nyatalah) ada di antara kita golongan yang beragama Islam dan ada pula golongan yang (kufur derhaka dengan) menyeleweng dari jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam (dengan beriman dan taat), maka merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar, adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar maka mereka menjadi bahan bakaran bagi neraka jahanam.” (Surah al-Jin: ayat 14- 15)

Sehubungan itu, seseorang yang berakidah tidak akan melakukan sebarang kemugkaran sama ada secara terangan atau secara sembunyi kerana menyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat tindakan mereka. Syariah pula merupakan prinsip-prinsip Islam yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis sebagai panduan kepada manusia. Individu yang mempunyai akidah yang jitu akan memahami dengan jelas hala tuju kehidupan mereka sama ada kepentingan dunia dan juga akhirat. Sepertimana firman Allah SWT dalam *surah adz-Zariyat ayat 56*:


“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”

Ilmu fekah ini menyediakan kaedah-kaedah menjadikan usaha pembentukan gaya hidup lestari sebagai satu ibadah. Mereka akan bersungguh-sungguh melaksanakan tuntutan sebagai seorang mukmin disamping berusaha mencari kejayaan didunia dan diakhirat dengan cara yang diredhai oleh Allah SWT. Daripada syariah ini pula akan mepengaruhi kepada akhlak. Akhlak adalah merupakan perkataan bahasa arab yang bererti tingkahlaku, perangai atau keperibadian. Menurut al-Ghazali, akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dengannya lahir sesuatu perbuatan dan tingkahlaku. Perbuatan atau tingkahlaku ini terjadi dengan spontan hasil dari pancaran rohani (Mohd Asri Abdullah et al., 2007). Ilmu Tasauf pula berhubungan dengan akhlak. Ia memandu mengenali sifat-sifat terkeji (*mazmumah*) yang ada dalam diri masing-masing dan menyediakan kaedah-kaedah menghapuskan serta menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*). Ilmu tasauf menyediakan manusia dengan sifat-sifat terpuji agar pembangunan dapat dilaksanakan dengan jujur, amanah dan berakhlak (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Sebagaimana dijelaskan oleh Tridjoko Wisnu Murti (2017), pematuhan manusia terhadap prinsip syariah menentukan sikap manusia terhadap kehidupan bersendirian mahupun aktiviti sosial yang dijalankan. Ia merangkumi keimanan, disiplin diri, kehidupan sosial dan undang-undang, kewajipan serta larangan yang seharusnya manusia patuhi.

PERBINCANGAN

Pembangunan lestari Islam merupakan pembangunan yang meletakkan keredaan Allah SWT sebagai matlamat utama untuk dicapai tanpa pengabaian terhadap 17 matlamat yang digariskan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam persidangan di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Matlamat pembangunan lestari atau dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDGs) telah menjadi agenda global sejak diperkenalkan oleh PBB. 17 matlamat serta 169 sasaran pembangunan lestari yang ingin dicapai bukan sahaja menumpukan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sahaja, malah ia juga mengambil berat isu kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh (Mohd Raihan Taha, 2016). Hal ini menjadikan pembangunan lestari Islam lebih holistik dengan memberi penumpuan terhadap pembangunan ekonomi, alam

sekitar, sosial dan juga rohani secara serentak menerusi pelaksanaan pembangunan lestari Islam.



Rajah 1: Proses Pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari Islam

Rajah 1 menunjukkan proses pencapaian matlamat pembangunan lestari yang bermula dengan mencapai keredaan Allah SWT. Sebagai pembangunan yang dibina di bawah kerangka pembangunan berteraskan Islam hendaklah meletakkan keredaan Allah SWT sebagai matlamat utama dalam pembangunan yang dibina agar peranan manusia sebagai hamba dan *khalifatullah* terlaksana dengan sempurna. Diikuti oleh pencapaian kesempurnaan kerohanian dalam diri pelaksana pembangunan yang lahir dari tiga tunjang utama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Shahrir Mohd Zain (2012) menyatakan, konsep *khalifatullah* dalam pembangunan berteraskan Islam tidak akan tercapai tanpa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam. Manakala Fatma Salah al Din Al Mallah (2002) pula menyatakan objektif pembangunan lestari juga menggalakkan pembangunan rohani masyarakat yang akan dicapai melalui penghayatan nilai-nilai keagamaan.

Segala aktiviti pembangunan sosial dalam kerangka pembangunan lestari Islam dapat terlaksana dengan lebih baik serta harmoni hasil dari usaha mencapai keredaan Allah SWT dan penghayatan terhadap nilai-nilai Islam dalam diri pelaksana pembangunan lestari Islam. Seterusnya, ia membawa kepada kejayaan pengjagaan alam sekitar secara bersepadu dan akhirnya mampu mempertingkatkan ekonomi negara sekaligus mencapai keredaan Allah SWT.


Gaya hidup halal merangkumi seluruh aspek dalam kehidupan kerana melalui penerapan gaya hidup halal ini akan mempengaruhi setiap tindakan seseorang. Dalam pembangunan lestari terdapat pelbagai isu yang melibatkan sikap manusia antaranya tamak, tidak amanah dan boros. Hal ini berpunca daripada sikap manusia yang tidak sabar dalam mencapai sesuatu keuntungan, malah cenderung kepada pencapaian matlamat kejayaan di dunia semata-mata. Keadaan ini bertentangan dengan prinsip Islam yang mengajarkan manusia untuk

mengikuti tatacara kehidupan yang telah digariskan dalam al-Quran dan hadis. Sebagaimana yang tercatat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan turutlah apa yang diwahyukan kepadamu serta bersabarlah (dalam perjuangan mengembangkan Islam) sehingga Allah SWT menghukum (di antaramu dengan golongan yang ingkar, dan memberi kepadamu kemenangan yang telah dijanjikan), kerana Dia lah sebaik-baik Hakim.” (Yunus 10:109)

Tafsir al-Azhar menghuraikan ayat ini menjelaskan bahawa manusia diperintahkan untuk mengikuti segala yang Allah SWT perintahkan dalam syariat Islam serta memupuk sifat sabar dalam mentaati perintah Allah SWT. Seterusnya Allah SWT telah menjanjikan kejayaan bagi manusia yang sabar dan patuh dalam mengerjakan segala suruhan serta meninggal segala larangan Allah SWT.

Perbincangan menerusi firman Allah SWT ini, dapat membuktikan bahawa gaya hidup halal yang berasaskan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT, mampu membentuk sikap manusia yang sesuai dengan prinsip-prinsip Islam. Dalam pelaksanaan pembangunan lestari yang terdedah kepada unsur-unsur yang ditegah dalam Islam seperti riba, rakus dan penipuan, aplikasi gaya hidup halal ini dapat mendorong manusia untuk memilih melakukan pembangunan yang sesuai dengan prinsip syariah. Seterusnya keimanan kepada Allah SWT dan patuh kepada prinsip syariah pula mampu membentuk akhlak yang baik dalam perhubungan sosial yang membawa kepada implikasi yang lebih besar iaitu pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar serta pembangunan ekonomi secara seimbang. Aplikasi gaya hidup halal untuk pelaksanaan pembangunan lestari Islam ini digambarkan dalam rajah 2.



Rajah 2: Aplikasi gaya hidup halal untuk pelaksanaan pembangunan lestari Islam

KESIMPULAN

Gaya hidup halal dalam pembangunan lestari Islam bukan sahaja gaya hidup yang menekankan kepada aspek mesra alam, tetapi juga bertujuan untuk mencapai kerediaan Allah SWT. Gaya hidup halal ini juga perlu diaplikasikan bukan sahaja dalam pembangunan lestari Islam, malah dalam setiap aktiviti seharian manusia. Kajian ini membuktikan gaya hidup halal perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan pembangunan lestari Islam bagi pencapaian matlamat secara menyeluruh.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Azrin Adnan & Izzuddin Abdul Aziz. (2017). Pendefinisian Semula Konsep Hutang Produktif Ke Arah Gaya Hidup Halal. *The 12th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2017 (IDMAC2017)*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak Diterbitkan.
- Ahmad Nizam. (2016). Gaya Hidup Pengguna Muslim Dalam Memilih Perbankan Syariah Di Banda Aceh, Indonesia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Tidak Diterbitkan.
- Ahmed Ameer Ameer. (2011). The Lifestyle Halal in European Marketing. *Review of Economics & Finance*. Academic Research Centre of Canada.
- Eko Putra Boediman. (2017). Halal Life Style in Marketing Communication and E-Commerce. *International Journal of Pure and Applied Mathematics, Vol.117 No. 15*. Jakarta, Indonesia: Tidak diterbitkan.
- Eko Putra Boediman. (2017). Halal Lifestyle in Marketing Communication of Tourism and Hospitality. *International Journal of Economic Research, Vol 14, No 4*. Jakarta, Indonesia: Serials Publications Pvt. Ltd.
- Hamka, Abdul Malik Abdulkarim Amrullah. (1990a). *Tafsīr al-Azhār*, jilid 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hamka, Abdul Malik Abdulkarim Amrullah. (1990b). *Tafsīr al-Azhār*, jilid 5. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hasan Ahmad & Aini Ahmad. (2015). Establishing Halal Lifestyle Term in Clothing: Guideline and Guidance from Islamic Viewpoint. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. Kuantan, Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Mariam, A.L. (2008). Halal Industry and International Market. Paper dibentangkan di CCMB Seminar on 'Halal Awareness', pada 16 September 2008, MATRADE, Kuala Lumpur: Tidak Diterbitkan.
- Noor Hidayah Samsudin & Fadzila Azni Ahmad. (2017). Kaedah Pengurusan Motivasi Pekerja Berteraskan Gaya Hidup Halal. *The 12th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2017 (IDMAC2017)*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak Diterbitkan.

- Mohd Asri Abdullah et al. (2007). *Prinsip-Prinsip Asas Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Nurul Izza Abdul Aziz & Fadzila Azni Ahmad. (2017). Gaya Hidup Halal Wanita Bekerja. *The 12th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2017 (IDMAC2017)*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak Diterbitkan.
- Odeh Rashed Al-Jayyousi. (2012). *Islam And Sustainable Development: New Worldview*. England: Gower Publishing Limited.
- Rosninawati Hussin. (2016). Practising Halal Among Modern Malay Muslim Women (MMW). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities Vol.9 (Special Edition) Nov 2016 : Pp 63-75*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sapia Moalam Abdulrachman. (2010). Integrating Spiritual Dimension In Sustainable Development Strategy An Islamic Perspective. *OIDA International Journal of Sustainable Development 02:11*. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Sapta Nirwandar. (2015). Halal Lifestyle In Indonesia. Kertas kerja dibentangkan di UNWTO Seminars The Contribution of Islamic Culture and its Impact on the Asian Tourism Market pada November 16th 2015 di Brunei Darussalam.
- Scheys, M. (1986). The power of life style, Society and Leisure. 10, No. 2, 249-66.
- Syarifah Md Yusof, Abu Bakar Hameed & Raziah Md Tahir. (2017). Gaya Hidup Halal Dalam Kalangan Usahawan Wanita Muslim Berjaya. *The 12th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2017 (IDMAC2017)*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak Diterbitkan.
- Tridjoko Wisnu Murti. (2017). Halal Life Style And Global Trade. The 7th International Seminar on Tropical Animal Production Contribution of Livestock Production on Food Sovereignty in Tropical Countries. September 12-14. Yogyakarta, Indonesia.
- Umaimah Mohd Sharef. (2017). *Aplikasi Qana'at untuk Pelaku Pembangunan Lestari Islam*. Disertasi yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- United Nation, Department of Economic and Social Affairs, World Economic and Social Survey. (2013). *Sustainable Development Challenges*. New York: United Nations.
- Wan Norhaniza Wan Hasan & Nurul Suhada Ismail. (2016). *Pembangunan Lestari Islam: Konsep & Aplikasi*. Pulau Pinang. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- WCED (1987). *Our Common Future*. The World Commission on Environment and Development. New York: Oxford University Press.
- Zubair Hasan, 2006, Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications, and Policy Concerns, J . *K AU: Islamic Econ. Vol . 19 No. 1* pp:3-18

Aplikasi Gaya Hidup Halal Sebagai Usaha Mencapai Matlamat Pelaksanaan
Pembangunan Lestari Islam
Siti Nur Aafifah Hashim, Muslihah Mazlan, Siti Nur Afiqah Shafie

Shaharir Mohd Zain. (2011). A New Paradigm of Sustainability. *Journal of Sustainable Development*. 5(1), 91–99.